

22/05/2002

Jangan sekat China jadi kuasa besar: PM (HL)

Saidon Idris

TOKYO, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan mengenai bahaya menghalang China menjadi kuasa ekonomi baru kerana tindakan itu hanya mendorong negara berkenaan meningkatkan keupayaan ketenteraannya hingga menggugat keamanan dunia.

Perdana Menteri berkata, sejarah membuktikan sesebuah negara mempunyai keinginan mencuba keupayaannya apabila memiliki tentera yang kuat.

"Ia hanya memerlukan satu kejadian kecil untuk menjurus kepada peperangan yang besar.

"Oleh itu, lebih baik China diterima sebagai sebuah kuasa ekonomi utama. Ia akan menjadi kuat tetapi tidak akan menguasai dunia sepenuhnya kerana Amerika Syarikat, Eropah, Jepun dan Korea akan menjadi pengimbang," katanya pada Persidangan Antarabangsa Nikkei Kelapan di sini, hari ini.

Dr Mahathir yang dalam rangka lawatan kerja tiga hari ke sini, menyampaikan ucap terna bertajuk "China - Satu Cabaran atau Peluang bagi Asean" pada persidangan itu.

Sebelum itu, pada sebelah pagi Dr Mahathir bertemu rakan sejawatannya, Junichiro Koizumi di pejabat Perdana Menteri Jepun itu di Sori Kantei.

Dr Mahathir percaya jika China dilayan sebagai musuh, negara itu menganggap dunia sebagai musuhnya dan akan bertindak balas dengan mempertahankan dirinya.

Sehubungan itu, beliau mengimbas sejarah pengembangan ketenteraan Jepun berikutan percubaan Eropah menyekat sumber bahan mentah dan bahan api kerana kebimbangan Eropah terhadap pertumbuhan ekonomi Jepun.

"Bagi mengatasinya, Jepun melancarkan perang besar terhadap Asia Tenggara," katanya.

Perdana Menteri berkata, dasar berhubung ketenteraan di kalangan negara di Asia Tenggara juga berbeza.

Beliau berkata, sesetengahnya mahukan perlindungan tentera Amerika, manakala yang lain mengambil pendirian yang bebas daripada konfrontasi.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, dalam dunia sekarang, penaklukan ketenteraan tidak perlu kerana membabitkan kos yang tinggi dan tidak produktif.

"Kami tidak fikir, China akan membabitkan diri dalam kegiatan ketenteraan. Oleh itu, tiada sebab bagi Asia Tenggara berasa takut dengan kekuatan ketenteraan China," katanya.

Perdana Menteri juga yakin masyarakat Cina di negara Asia Tenggara tidak berhasrat menyumbang kepada pengembangan wilayah oleh China.

"Mereka bukan saja rakyat yang baik, tetapi juga menjadi jambatan kerjasama ekonomi antara China dan Asia Tenggara," katanya.

Dr Mahathir berkata, walaupun perhubungan Asia Tenggara dengan China baik, usaha mewujudkan satu mekanisme untuk mengatasi sebarang percanggahan yang berbahaya adalah sangat penting.

"(Penubuhan) Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) boleh menyediakan mekanisme itu," katanya.

Perdana Menteri berkata, kejayaan paling ketara Komuniti Ekonomi Eropah (EEC) bukan berkaitan ekonomi, sebaliknya keamanan lebih separuh abad yang dibawanya di Eropah.

"Dalam hubungan itu, EAEG yang dicadangkan boleh membawa keamanan di Asia Timur dan ia akan memberi kebaikan, bukan saja kepada rantau itu, malah dunia secara keseluruhannya," katanya.

Perdana Menteri berkata, oleh kerana China akan menjadi anggota EAEG,

cabaran ditimbulkan China yang membawa keburukan kepada negara Asia Tenggara boleh dibincangkan dan diatasi dalam forum itu.

"China tentu sedar, Asia Tenggara yang makmur dan stabil adalah baik baginya. Negara yang miskin sentiasa menjadi punca masalah kepada jirannya yang kaya," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, beliau tidak memahami mengapa ada penentangan terhadap penubuhan EAEG.

"Ia (EAEG) tidak mungkin kerana ada hasrat untuk melihat Asia Timur terus miskin," katanya.

Perdana Menteri turut menegaskan cadangan penubuhan Tabung Kewangan Asia Timur tidak akan mendatangkan keburukan kepada sesiapa, sama ada negara dalam Asia Timur atau di luarnya.

Katanya, ini kerana masalah ketika ini lebih menjurus kepada kewangan dan tabung itu boleh menyumbang kepada penyelesaian awal apabila negara anggota menghadapi masalah kewangan.

(END)